



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KERATAN AKHBAR

23 MEI 2017

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ISU : KESELAMATAN DAN KESIHATAN INDUSTRI PEMBINAAN

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	23.05.2017 Selasa	UTUSAN MALAYSIA DBKL lancar Op Tapak	Utusan Kota 31	JKKP DBKL

Fokus 10 tapak pembinaan, gempur pemaju ingkar peraturan

DBKL lancar Op Tapak

Oleh AMIRUL AIMAN ANUAR
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 MEI

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengempur tapak binaan di seluruh ibu negara melalui Operasi Bersepadu Aktiviti Di Tapak Pembinaan (Op Tapak) bagi mengesan pemaju yang gagal mematuhi peraturan ditetapkan.

Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Penguatkuasaan DBKL, Osman Ismail berkata, sebanyak 10 tapak pembinaan di seluruh ibu kota akan diperiksa sepanjang tahun ini.

Menurutnya, semua aspek di tapak pembinaan akan diberi perhatian termasuk keselamatan dan penempatan pekerja.

"Kegagalan pemaju menyediakan dan memastikan keselamatan di tapak pembinaan berada pada tahap memuaskan akan dikenakan tindakan penguatkuasaan.

"Ini termasuk setiap pekerja di tapak pembinaan mempunyai permit sah selain memastikan pembinaan dijalankan mengikut pelan kelulusan," katanya selepas mengikuti Operasi Tapak Siri 1 di sebuah tapak projek di Taman Sri Hartamas, di sini.

Operasi bersepadu itu digembleng bersama agensi penguatkuasaan lain termasuk Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Imigresen, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Dalam operasi itu daripada 250 yang diperiksa, 115 pendatang tanpa izin ditahan termasuk seorang wanita.

Menurut Osman, objektif utama operasi diadakan bertujuan memastikan keseluruhan tapak



PEMAJU perlu mematuhi peraturan di tapak pembinaan termasuk aspek keselamatan dan penempatan pekerja.

SEBAHAGIAN pekerja tanpa izin yang ditahan dalam Operasi Tapak di sebuah tapak pembinaan di Taman Sri Hartamas, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

didik dan menggalakkan pemaju mematuhi undang-undang dan prosedur standard operasi (SOP) ditetapkan di tapak pembinaan.

"Kita amat berharap agar semua pihak mematuhi peraturan terbabit bagi memastikan kualiti, tahap keselamatan dan kesihatan dalam industri pembinaan dapat ditingkatkan," katanya.

Dalam operasi itu katanya, pemaju projek turut dikesan gagal mematuhi piawaian keselamatan dalam menyediakan salur pancur pada bangunan.

"Bagi bangunan yang dalam pembinaan melebihi 18.3 meter diwajibkan membina salur pancur kering manakala pada ketinggian melebihi 30 meter pula perlu dibina salur pancur basah bagi menangani kemungkinan kebakaran," katanya.

bertambah serta kawasan sekitar berhampiran berada dalam keadaan selamat terutama yang terletak tengah pusat bandar dan kawasan perumahan sedia ada. Sementara itu, Ketua Cawangan Penguatkuasaan Keselamatan Bangunan, Bahagian Keselamatan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Jelani Ahad berkata, objektif operasi bertujuan men-